

Semua
Ketua /Pengurus
Jabatan/Bahagian/Unit/Disiplin
Pusat Perubatan UKM

Y. Bhg. Prof./Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENGENDALIAN INFORMASI TERKINI JABATAN-JABATAN DI PUSAT PERUBATAN UKM

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa Laman Web Rasmi Pusat Perubatan UKM (PPUKM) akan menjalani proses penambahbaikan. Sehubungan itu, pengemaskinian maklumat dari setiap Jabatan adalah diperlukan untuk ruang hebahan dan pemakluman. Adalah diharapkan agar setiap makluman diberikan secara bulanan dan berterusan.

Berikut ialah perkara-perkara yang diperlukan sebagai panduan setiap jabatan:


- i) Berita/aktiviti/peristiwa terkini:
 - Paparan berita, aktiviti dan peristiwa berkaitan jabatan yang telah dilaksanakan.
- ii) Hebahan/pengurusan/maklumat:
 - Pengumuman mengenai berita, aktiviti dan peristiwa yang akan dilaksanakan.
 - Pengumuman-pengumuman yang berterusan.
- iii) Keratan/kenyataan/rencana akbar atau majalah (sekiranya ada)
 - Keratan, kenyataan dan rencana akhbar atau majalah yang mengandungi makluman relevan di jabatan sepanjang masa (kempen, program kesedaran dan lain-lain).
 - Keratan, kenyataan dan rencana akhbar atau majalah mengandungi maklumat umum yang berkaitan dengan jabatan (perasmian, lawatan dan lain-lain).
- iv) Poster/*banner*
 - Poster/*banner* yang memaparkan pencapaian dan pengiktirafan yang diterima oleh jabatan.
 - Poster/*banner* yang memaparkan aktiviti atau peristiwa di jabatan (perayaan kempen dan lain-lain).
- v) Statistik
 - Paparan bulanan bagi statistik pencapaian piagam pelanggan dan bilangan transaksi perkhidmatan di jabatan.
- vi) Maklumat kejayaan/pencapaian/kecemerlangan di peringkat jabatan:
 - Maklumat berkaitan keputusan kejayaan, pencapaian, kecemerlangan ahli-ahli di jabatan dan jabatan sendiri.

Sebarang maklumat yang dihantar oleh jabatan perlu diberikan secara 'hard copy' dan 'soft copy' ke Jabatan Perhubungan Awam dan email prohukm@ppukm.ukm.my

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg. Prof./Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



JANUDIN BAKAR

Ketua

Jabatan Perhubungan Awam

s.k. : Prof. Madya Dr. Noor Azah Abd Aziz
Ketua
Unit Jaringan Industri & Masyarakat
Fakulti Perubatan, PPUKM

Fail